

Dr. Mahathir tidak puas hati mutu pembuatan perabot kita di Jepun

UM 20 DEC 2002

SUBANG 19 Dis. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir tidak berpuas hati dengan mutu pembuatan perabot Malaysia yang dikesannya kurang bermutu semasa di Jepun, baru-baru ini.

Perdana Menteri telah menyatakan perkara itu kepada Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik pada mesyuarat kabinet di Putrajaya, semalam.

Menurut Dr. Lim, Dr. Mahathir mahu industri perabot tempatan supaya meningkatkan kualiti produktiviti mereka apatah lagi, setelah berjaya menembusi pasaran negara seperti Jepun.

Mesej Perdana Menteri, ujar beliau, ialah supaya pengeluar perabot tempatan menghasilkan produk berkualiti untuk pasaran mewah di Jepun dan negara-negara lain.

"Tidak ada ertinya menghasilkan produk secara besar-besaran tetapi kualiti

terjejas. Sudah tiba masanya untuk menghasilkan produk berkualiti tinggi kerana potensinya ada," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar Meningkatkan Daya Saing Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam Industri Berasaskan Kayu anjuran Majlis Perindustrian Malaysia (MTC) di sini, hari ini.

Dr. Lim berkata, masalah yang membelenggu industri perabot tempatan ialah sikap pengeluar yang enggan berubah seiring dengan tuntutan semasa.

"Apabila didapati satu orang berjaya mengilang perabot, semua orang ikut serta sehingga membanjiri pasaran. Adalah lebih baik jika ada yang mengeluarkan pula komponen perabot," katanya.

Selain itu, beliau berkata, ada persatuan pengilang perabot negeri yang mahu 'bermain politik' dengannya dengan menuduh kemen-

terian cenderung kepada pengeluar perabot besar sahaja.

"Ini tidak benar. Kita ada perancangan dan ada sebab untuk menumpukan kepada pengilang besar terutama dalam era globalisasi supaya penembusan sesuatu pasaran luar boleh dilaksanakan dengan teratur dan berkesan," ujarnya.

Menurut beliau, apabila persatuan seumpamanya mula menggunakan kaitan parti politik untuk menegenahkan isu mereka, tindakan itu hanya akan melumpuhkan industri perabot tempatan.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Lim berkata, perolehan dari sektor perhutanan dan pembalakan dijangka mencecah RM14.7 bilion tahun ini, iaitu peningkatan kira-kira 3 peratus berbanding tahun 2001.

"Dalam sektor perabot pula, perolehan dijangka mencecah RM5 bilion tahun ini," katanya.